

SOALAN LAZIM (FAQ)

SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19
BERMULA 18 MAC 2020

UNIT PEMBANGUNAN KELUARGA, BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

1.	<p>SAYA TELAH MENGHADIRI KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM DI PEJABAT AGAMA DAERAH BARAT DAYA PADA 2013 TETAPI TELAH KEHILANGAN SIJIL KURSUS TERSEBUT. BOLEHKAH SAYA DAPATKAN SALINAN SIJIL TERSEBUT? ADAKAH SAYA PERLU KE PEJABAT AGAMA TEMPAT SAYA BERKURSUS?</p> <p>Ya, Tuan/Puan boleh dapatkan salinan sijil tersebut di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) seperti alamat di bawah setelah pejabat mula beroperasi selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selesai.</p> <p style="text-align: center;">Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang Jalan Lebu Pantai, 10300 George Town, Pulau Pinang.</p>
2.	<p>JHEAIPP ADA MENGANJURKAN KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM KEPADA BAKAL PENGANTIN. BERAPAKAH KADAR BAYARANNYA? BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MEMBUAT BAYARAN TERSEBUT?</p> <p>Setiap peserta dikenakan kadar bayaran/yuran sebanyak RM100.00 bagi mengikuti kursus berkenaan. Tuan/Puan boleh membuat bayaran secara tunai di Pejabat Agama iaitu tempat pendaftaran kursus dibuat setelah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan selesai.</p>
3.	<p>SAYA DAN BAKAL SUAMI/ISTERI MEMPUNYAI PERTANYAAN MENGENAI KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM NEGERI PULAU PINANG. APAKAH NOMBOR YANG BOLEH SAYA HUBUNGI DAN DENGAN SIAPAKAH SAYA PERLU BERURUSAN?</p> <p>Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Pembangunan Keluarga ditalian 04-2637900 setelah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selesai.</p>

4.	<p>SEPATUTNYA MINGGU DEPAN INI SAYA MENGIKUTI KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM DAN PEMBAYARAN JUGA TELAH DIBUAT. BOLEHKAH SAYA TUKAR TARIKH KURSUS IAITU SETELAH TAMAT TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)?</p> <p>Ya, Tuan/Puan boleh menukar tarikh kursus berkenaan iaitu selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>
5.	<p>PADA ASALNYA, SAYA DAN PASANGAN TELAH MENDAFTAR TARIKH KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM PADA BULAN NI DAN MERANCANG UNTUK BERKAHWIN PADA BULAN BERIKUTNYA. SAYA DAN PASANGAN BERASA BIMBANG DENGAN KEADAAN NEGARA SEKARANG DAN MASIH BERADA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP). APA YANG PERLU SAYA BUAT?</p> <p>Tuan/Puan dinasihati untuk menukar tarikh Kursus Praperkahwinan Islam dan merancang sebaik-baiknya tarikh pernikahan setelah selesai tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>
6.	<p>DI MANAKAH SAYA BOLEH MERUJUK JADUAL KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM?</p> <p>Tuan/Puan boleh melayari laman sesawang e-munakahat@penang.gov.my dan klik Kursus Praperkahwinan Islam untuk merujuk jadual berkenaan.</p>
7.	<p>SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN, ADAKAH SIJIL KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM PERLU DICOP? SAYA SUDAH MEMPUNYAI SIJIL BERKENAAN TETAPI SAYA TELAH LAMINATE. PERLUKAN SAYA MENGAMBIL SEMULA KURSUS?</p> <p>Sijil Kursus Praperkahwinan Islam bagi pemohon lelaki dan perempuan akan dicop bagi menunjukkan sijil kursus tersebut telah digunakan. Bagi sijil kursus yang telah dilaminate, pihak jabatan akan memotong sebahagian daripada sijil kursus tersebut. Pihak tuan/puan tidak perlu lagi mengikuti kursus yang baharu.</p>

8.	<p>SAYA MERUPAKAN OKU PENGLIHATAN DAN MERANCANG UNTUK MENDIRIKAN RUMAHTANGGA BERSAMA PASANGAN SAYA OKU PENDENGARAN. ADAKAH SAYA DAN PASANGAN PERLU MENGHADIRI KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM?</p> <p>Bagi OKU kategori cacat pendengaran, cacat penglihatan, <i>slow learner</i> dan cacat anggota tubuh badan sehingga tidak mampu untuk berjalan adalah dikecualikan daripada menghadiri Kursus Praperkahwinan Islam.</p>
9.	<p>SAYA BERUMUR 50 TAHUN. ADAKAH SAYA PERLU MENGHADIRI KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM?</p> <p>Umur maksimum yang dihadkan untuk mengikuti Kursus Praperkahwinan Islam adalah 45 tahun. Walau bagaimanapun, pihak jabatan tiada halangan sekiranya tuan/puan berhasrat dan sukarela untuk mengikuti kursus berkenaan.</p>
10.	<p>SAYA BERASAL DARI PULAU PINANG DAN BAKAL MENDIRIKAN RUMAHTANGGA DENGAN PASANGAN SAYA DARI NEGARA BELANDA. ADAKAH PASANGAN SAYA PERLU MENGIKUTI KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM?</p> <p>Kursus Praperkahwinan Islam ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia. Pasangan tuan/puan tidak perlu mengikuti kursus tersebut.</p>
11.	<p>BAKAL ISTERI SAYA ADALAH SEORANG JANDA DAN MEMPUNYAI SEORANG ANAK. SAYA DAN PASANGAN MERANCANG UNTUK MENGHADIRI KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM DI DAERAH TIMUR LAUT BERSAMA. ADAKAH TINDAKAN SAYA INI BETUL?</p> <p>Kursus Praperkahwinan Islam ini hanya perlu dihadiri oleh tuan. Manakala pasangan/bakal isteri tidak perlu hadir. Walau bagaimanapun, pihak jabatan tiada halangan sekiranya pasangan/bakal isteri tuan berhasrat untuk sama-sama mengikuti kursus berkenaan.</p>